

Bekas Pengerusi PKM meninggal dunia

Kuala Lumpur: Bekas Pengerusi Parti Komunis Malaya (PKM), Abdullah CD atau nama sebenarnya Che Dat Anjang Abdullah meninggal dunia semalam.

Allahyarham yang berasal dari Lambor Kanan, Parit, Perak meninggal dunia jam 9.29 pagi semalam, waktu Thailand

pada usia 101 tahun.

Berita kematiannya dikongsikan pelbagai pihak menerusi media sosial semalam, antaranya bekas pejuang pembebasan Tanah Melayu yang terbabit dalam PKM.

“Bekas Pengerusi PKM dan pengasas pasukan Rejimen Ke-

10 Tentera Rakyat Malaya, kembali ke rahmatullah pada jam 9.29 pagi ini (semalam) di Kampung Perdamaian Sukhirin, Wilayah Narathiwat pada umur 100 tahun 3 bulan,” katanya.

Abdullah menyertai PKM pada 1948 dan terbabit dalam gerakan kemerdekaan Tanah

Melayu bagi menentang penjajahan British.

Pada 2013, isteri Abdullah, Suriani Abdullah meninggal dunia di kediaman mereka di Narathiwat, Thailand.

Difahamkan, Allahyarham memiliki seorang anak perempuan bernama Karisma.

